



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)
- P E K E L I L I N G -



Fail : MBSA/PTD/PA/100Jld 22 ()

Tarikh : 20 Ogos 2014
24 Syawal 1435H

Kepada,

**Semua Pengarah / Ketua Bahagian / Pengurus Cawangan
Semua Pegawai dan Kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam**

Tuan/Puan,

HARI BERKABUNG MALAYSIA – 22 OGOS 2014

Adalah saya dengan hormat takzimnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa seluruh Malaysia akan berkabung bagi memperingati tragedi MH17 pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 22 Ogos 2014 (Jumaat)

Masa : 8.00 pagi

3. Sehubungan dengan itu, semua pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam diminta untuk memakai pakaian yang suram dan tidak berwarna terang/garang. Bagi yang beragama Islam dan terlibat secara langsung, mereka digalakkan memakai songkok (tanpa lilitan berwarna putih) / selendang hitam. Bagi semua pengarah / Ketua Bahagian / Pengurus Cawangan adalah diminta memakai baju melayu berwarna hitam atau gelap serta bersongkok hitam bagi lelaki dan berbaju kurung serta bertudung gelap/suram bagi wanita

4. Untuk makluman warga kerja MBSA, bendera Malaysia akan dikibarkan separuh tiang di seluruh negara pada hari berkenaan. Di samping itu, pada hari berkenaan juga semua acara berunsur hiburan ditangguhkan di setiap Jabatan dan digantikan dengan digantikan dengan bacaan Al-Quran dan program berunsur keagamaan.

Kerjasama semua warga kerja MBSA berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih.
Sekian.

BERSAMA KE ARAH KEGEMILANGAN

Saya yang menjalankan tugas,


(MOHTAR BIN HANI)
Timbalan Datuk Bandar

s.k Datuk Bandar